

KERATAN AKHBAR

CHINA PRESS

TARIKH: 20 DISEMBER 2019

MUKA SURAT: A4

MALAYSIA, PENYUMBANG SAMPAH PLASTIK KEPADA INDIA?

MAHFUZ: KPKT TIDAK TERIMA MAKLUMAN

[KUALA LUMPUR]: Dato' Haji Mahfuz Bin Omar, Timbalan Menteri Sumber Manusia mengatakan KPKT tidak pernah menerima makluman rasmi berhubung dakwaan kononnya Malaysia penyumbang terbesar pembuangan sampah plastik di Pulau Great Nicobar, India.

Berdasarkan semakan yang dilakukan oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN), KPKT, ia mendapati dakwaan tersebut hanyalah berdasarkan kepada kajian yang dibuat oleh Berhampur Universiti, India yang bertajuk 'Foreign Origin Plastic Litter Predominate In Great Nicobar Island, A Biosphere Reserve'. Kajian itu menyatakan Malaysia disenaraikan sebagai negara penyumbang terbesar pencemaran plastik berdasarkan bilangan botol plastik yang ditemui di Pulau Great Nicobar, India iaitu 40.5 peratus diikuti Indonesia (23.9 peratus) dan Thailand (16.3 peratus). Kajian tersebut berpendapat antara penyebab utama yang menyebabkan pencemaran di Pulau Great Nicobar, India adalah kesan pergerakan arus kerana jarak Malaysia, Indonesia dan Thailand yang berdekatan dengan pulau tersebut.